



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Fail Rujukan:

Pejabat Kesihatan Daerah / Pejabat Kesihatan Pintu Masuk

.....

No. Telefon:

Kepada:

Nama:

No. Kad Pengenalan/Pasport:

Alamat:

.....

No. Telefon di Malaysia:

Nama & No. Telefon waris di Malaysia:

Negara yang dilawati:

Perintah Pengasingan Atau Pengawasan Orang Yang Dijangkiti Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) atau Orang Yang Disyaki Dijangkiti Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) di bawah Peraturan 12A Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (Pelan Pemulihan Negara) 2021 [P.U. (A) 293/2021]

1. Dalam menjalankan kuasa di bawah subperaturan 12A.(1) Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (Pelan Pemulihan Negara) 2021 [P.U. (A) 293/2021], saya, Pegawai Diberi Kuasa memerintahkan Tuan/Puan untuk menjalani pengasingan atau pengawasan di premis seperti alamat di atas dengan syarat-syarat yang dinyatakan di perenggan 2, 3, 4 dan 5 perintah ini dan syarat lain yang dinyatakan dalam borang *Home Assessment Tool*; selama hari bermula pada (*tarikh*) sehingga (*tarikh*) atau suatu tempoh yang diarahkan oleh Pegawai Diberi Kuasa ("tempoh pengasingan atau pengawasan").
2. Tuan/Puan dikehendaki sentiasa memakai peranti yang dibekalkan oleh Pegawai Diberi Kuasa sepanjang tempoh pengawasan dan pemerhatian serta memastikan peranti pengesanan tersebut sentiasa berada dalam keadaan baik dan sempurna. Sekiranya peranti pengesanan tersebut rosak, tuan/puan hendaklah dengan segera melaporkan kepada Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) paling hampir atau menghubungi untuk mendapatkan gantian. Tuan/Puan hendaklah tidak menanggalkan, memotong, memusnahkan, merosakkan, menghilangkan atau mengubah peranti pengesanan tersebut Peranti pengesanan tersebut hanya boleh ditanggalkan oleh Pegawai Diberi Kuasa selepas Tuan/Puan mendapat surat pelepasan perintah pengasingan atau pengawasan.
3. Tuan/Puan hendaklah dengan seberapa segera memuat turun aplikasi MySejahtera atau aplikasi lain yang ditetapkan oleh Kerajaan ke dalam telefon bimbit pintar atau apa-apa peranti lain sama ada yang didaftarkan atas nama tuan/puan atau di bawah kawalan tuan/puan dan hendaklah memastikan telefon bimbit atau peranti tersebut sentiasa berada bersama tuan/puan dan berada dalam mod aktif sepanjang masa sepanjang tempoh pengawasan dan pemerhatian. Tuan/Puan hendaklah memastikan segala maklumat yang dikemukakan oleh Tuan/Puan dalam aplikasi MySejahtera adalah tepat dan benar.
4. Sepanjang tempoh Tuan/Puan diletakkan di bawah pengasingan atau pengawasan, Tuan/Puan dikehendaki mematuhi perintah ini dan syarat-syarat yang terkandung di dalamnya dan memantau kesihatan diri menggunakan borang *Home Assessment Tool* (Lampiran 1) yang dilampirkan bersama perintah ini.
5. Sekiranya Tuan/Puan adalah penjaga yang sah kepada kanak-kanak di bawah umur lapan belas (18) tahun atau orang kelainan upaya (OKU), Tuan/Puan hendaklah mengemukakan maklumat kanak-kanak di bawah umur lapan belas (18) tahun atau orang kelainan upaya (OKU) tersebut dalam Lampiran 2 dan memastikan orang di bawah jagaan Tuan/Puan mematuhi perintah ini dan syarat-syarat yang terkandung di dalamnya.

6. Kegagalan Tuan/Puan untuk mematuhi perintah ini dan syarat-syarat yang terkandung di dalamnya adalah merupakan satu kesalahan di bawah P.U. (A) 293/2021 dan sekiranya disabitkan dengan kesalahan boleh dikenakan hukuman di bawah P.U. (A) 293/2021.

Pegawai Diberi Kuasa	
Nama :	
Jawatan :	
Tarikh & Masa :	
Pengesahan Menerima Salinan Perintah oleh Kontak yang Diletakkan di bawah Pengawasan dan Pemerhatian	
Nama :	
No.Kad Pengenalan/ No. Pasport :	
Tarikh & Masa :	
Tandatangan :	

s.k. Pejabat Kesihatan Daerah

.....